

PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI PEMBELAJARAN  
KOPERATIF DALAM MATA PELAJARAN PENGURUSAN KOKURIKULUM  
DI FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL

NOR RAFIDAH BT RAZAK

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Ikhtisas Pendidikan  
Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL 2008

*Teristimewa buat ayahanda dan bonda tercinta, **Hj. Razak Hj. Ahmad** dan **Hjh. Che Som Hj. Abu Bakar** yang senantiasa menjadi sumber kekuatan dan kejayaan anakanda. InsyaAllah, segala jasa dan pengorbanan ayahanda dan bonda akan sentiasa terpahat di sanubari.*

*Terima kasih juga ditujukan khas buat keluarga tersayang yang selamanya menjadi penyuntik semangat buat diri ini.*  
*(Rozainah, Rohaizan, Ruzlina, Shazli, Ruzliza, Suraini, Suhada, Shazri dan Shahira)*

*Buat pensyarah yang dikasihi*  
*Tiada yang lebih berharga selain dari tunjuk ajar dan nasihat daripadamu yang amat bermakna bagiku.*  
*(Puan Hjh. Sarebah Bt Warman)*

*Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa mendoakan kesejahteraan dan mengasihi diri ini.*  
*(Asliza, Zarina, Ayushafira, Hidayah, Fadilah, Haslina, Fazliyah)*

*Teristimewa anak buah kesayangan.*  
*(Helmi, Ain, Amna, Nabihah, Naufal, Syakirah)*

*Serta sesiapa sahaja yang terlibat. Hanya Allah yang mampu membalas jasa kalian.*  
*Terima kasih atas segalanya. Semoga Allah sentiasa merahmati kalian.*

*KepadaMu, ya Allah hambaMu sujud, mengharapkan keredhaanMu*

## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah S.W.T, pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda, serta sesiapa sahaja yang mengikuti perjuangan mereka dengan ikhlas hinggalah ke hari kiamat.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan taufiq dan inayah-Nya, penulisan kajian ini telah dapat disiapkan seperti yang dikehendaki. Semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua dalam menelusuri kehidupan di muka bumi Allah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Puan Hajjah Sarebah Binti Warman selaku tulang belakang kepada kajian ini yang banyak memberikan tunjuk ajar, dorongan, perkongsian ilmu dan suntikan semangat dalam menjayakan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada insan-insan tersayang, mak dan ayah, serta ahli keluarga yang sentiasa memberikan dorongan dan bantuan yang tidak ternilai harganya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua sahabat-sahabat seperjuangan dan semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan kajian ini. Hanya Allah yang mampu membalas segalanya. Semoga segala kerja kita ini sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah hendaknya. Amin. Wallahu'alam.

## ABSTRAK

Pengangguran dalam kalangan siswazah bukan disebabkan pencapaian akademik tetapi disebabkan kemahiran insaniah yang kurang diberi penekanan dalam sistem pendidikan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti elemen kemahiran insaniah yang diterapkan dan ciri pembelajaran koperatif yang dipraktikkan dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti hubungan antara kemahiran insaniah dan pembelajaran koperatif. Rekabentuk kajian ini adalah berdasarkan kaedah kuantitatif deskriptif. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar Sarjana Muda dan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional iaitu seramai 256 orang. Data-data diperolehi dengan menggunakan instrumen kajian iaitu borang soal selidik. Analisis kajian dilaksanakan dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 12.0 yang melibatkan ujian deskriptif dan ujian inferensi. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan nilai skor min bagi elemen kemahiran insaniah dan ciri pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum. Dapatan kajian menunjukkan kesemua elemen kemahiran insaniah diterapkan pada tahap yang tinggi dan hanya satu elemen sahaja diterapkan pada tahap yang sederhana dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum. Bagi ciri pembelajaran koperatif pula, dapatan menunjukkan kesemua ciri dipraktikkan pada tahap yang tinggi. Manakala analisis kolerasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis pada aras 0.05. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara kemahiran insaniah dan pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum. Oleh itu, kemahiran insaniah dan pembelajaran koperatif perlu diterapkan dalam kalangan pelajar dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum.

## ABSTRACT

Poor, academic achievement is no longer the only factor of unemployment among university graduates. In fact, the main factor could be due to poor humanities skills among the graduate which is not emphasized in the education system. In connection to that, the research is done to identify elements of humanities skills applied and the cooperative learning characteristics practiced in the co-curriculum management subject. Apart from that, the research also identifies relationship between humanities skills and cooperative learning. The research design is the quantitative descriptive method. The sample of this research is taken from 256 undergraduates and postgraduates students from the Technical and Vocational Education course. Data are collected by using questionnaire form. The research analysis is done by using the SPSS software version 12.0 that involves both descriptive and inferential tests. The results from the research are analyzed using the min score value within the humanities skills and cooperative learning elements in the co-curriculum management subject. Results show that all the elements of the humanities skills are fully instilled at high level. There is only one element instilled at medium level in the co-curriculum management subject. For the characteristics of cooperative learning, the results show that all the characteristics are practiced the highest level. Meanwhile, the Pearson Correlation Analysis was used to test the hypothesis at 0.05 levels. The finding of the research indicates that there is a significant relationship between cooperative learning and humanities skills in the co-curriculum management subject. As a conclusion, humanities skills and cooperative learning should be instilled among the students in co-curriculum management subject.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Matlamat Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Persoalan Kajian	9
	1.7 Hipotesis Kajian	9
	1.8 Kerangka Konsep Kajian	10

1.9	Kepentingan Kajian	12
1.10	Skop Kajian	12
1.11	Batasan Kajian	13
1.12	Definisi Operasional	13
1.13	Rumusan	14

## II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Kemahiran Insaniah	16
2.2.1	Kemahiran Berkomunikasi	17
2.2.2	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	18
2.2.3	Kemahiran Berpasukan	19
2.2.4	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	20
2.2.5	Kemahiran Keusahawanan	20
2.2.6	Etika dan Moral Profesional	21
2.2.7	Kemahiran Kepimpinan	22
2.3	Pembelajaran Koperatif	23
2.3.1	Kebergantungan Secara Positif	26
2.3.2	Interaksi Bersemuka	28
2.3.3	Akauntabiliti Individu	28
2.3.4	Kemahiran Interpersonal	30
2.3.5	Pemprosesan Kumpulan	31
2.4	Kaitan Antara Pembelajaran Koperatif Dan Kemahiran Insaniah	32
2.5	Rumusan	33

### III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Rekabentuk Kajian	35
3.3	Populasi Kajian	35
3.4	Sampel Kajian	36
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	39
3.6	Instrumen Kajian	39
	3.6.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	42
	3.6.2 Kajian Rintis	43
3.7	Kaedah Analisis Data	44
3.8	Andaian Kajian	47
3.9	Rumusan	47

### IV ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	48
4.2	Demografi Responden	49
	4.2.1 Gender	49
	4.2.2 Pencapaian Akademik	50
	4.2.3 Kursus	50
4.3	Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran Pengurusan Kokurikulum	51
	4.3.1 Persoalan kajian 1	51
4.4	Ciri-ciri Pembelajaran Koperatif Yang Dipraktikkan	60
	4.4.1 Persoalan Kajian 2	60
4.5	Hubungan Antara Kemahiran Insaniah Dan Pembelajaran Koperatif	66
	4.5.1 Persoalan Kajian 3	66
4.6	Rumusan	68



**BIBLIOGRAFI**

86

**LAMPIRAN**

93



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI JADUAL**

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan Pelajar Sarjana Muda Di Fakulti Pendidikan Teknikal Sesi 2005/2006	37
3.2	Bilangan Pelajar Sarjana Di Fakulti Pendidikan Teknikal Semester Dua Sesi 2007/2008	37
3.3	Bilangan Pelajar Sarjana Di Fakulti Pendidikan Teknikal Semester Tiga Sesi 2007/2008	38
3.4	Format Skala Likert	42
3.5	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	45
3.6	Interpretasi Tahap Julat Min	45
3.7	Pekali Korelasi	46
4.1	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik Terkini	50
4.2	Taburan Responden Mengikut Kursus	51
4.3	Skor Min Bagi Setiap Elemen Kemahiran Insaniah	52
4.4	Skor Min Bagi Elemen Kemahiran Komunikasi	53
4.5	Skor Min Bagi Elemen Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	54
4.6	Skor Min Bagi Elemen Kemahiran Kerja Berpasukan	55
4.7	Skor Min Bagi Elemen Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	56
4.8	Skor Min Bagi Elemen Keusahawanan	57
4.9	Skor Min Bagi Elemen Etika Dan Profesional	58

4.10	Skor Min Bagi Elemen Kemahiran Kepimpinan	59
4.11	Skor Min Bagi Setiap Ciri Pembelajaran Koperatif	60
4.12	Skor Min Bagi Ciri Kebergantungan Secara Positif	61
4.13	Skor Min Bagi Ciri Interaksi Bersemuka	62
4.14	Skor Min Bagi Ciri Akauntabiliti Individu	63
4.15	Skor Min Bagi Ciri Kemahiran Interpersonal	64
4.16	Skor Min Bagi Pemprosesan Kumpulan	65
4.17	Hubungan Antara Kemahiran Insaniah Dengan Pembelajaran Koperatif	67



**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Penerangan</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1	Kerangka Konsep Kajian	10
4.1	Bilangan Responden Berdasarkan Gender	49



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN****SINGKATAN****JUSTIFIKASI**

CGPA	<i>Cumulative Gred Point Average</i>
FPTEK	Fakulti Pendidikan Teknikal
IPPTN	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KI	Kemahiran Insaniah
KIM	Kemahiran Insaniah Mesti
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
P&P	pengajaran dan pembelajaran
PK	Pembelajaran Koperatif
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
RMK9	Rancangan Malaysia Ke-9
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
VET	Vocational Education and Training



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN****LAMPIRAN****TAJUK**

LAMPIRAN A

Borang Soal Selidik

LAMPIRAN B

Pengesahan Soal Selidik

LAMPIRAN C

Kajian Rintis

LAMPIRAN D

Analisis Data

LAMPIRAN E

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

LAMPIRAN F

Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan  
Morgan

**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam dunia pendidikan, kaedah pembelajaran amat perlu dititikberatkan oleh para pelajar dan pensyarah. Ianya memainkan peranan yang sangat penting dalam aspek pendidikan negara. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang merupakan wahana kepada usaha membangunkan generasi alaf baru. Sistem pendidikan negara memerlukan usaha-usaha yang strategik yang boleh meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke tahap kualiti yang tinggi dan cemerlang agar dapat menangani cabaran-cabaran abad ke-21.

Dalam kalangan masyarakat moden, proses pengajaran dan pembelajaran diuruskan dengan cara yang lebih sistematik, terutamanya dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Tanpa proses pengajaran yang sistematik, pengajaran dan pembelajaran berkesan tidak mungkin dapat dilaksanakan. Khalid (1993), menyatakan pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimun yang menyatupadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum.

Pembelajaran merupakan proses perubahan sikap, tingkah laku dan potensi seseorang individu untuk berkembang serta mampu menggunakan ilmu serta kemahiran yang diperoleh untuk kemajuan diri sendiri, masyarakat dan negara. Keinginan dan minat individu untuk terus belajar serta mengaplikasikannya dalam situasi yang sesuai merupakan faktor penting pembelajaran (Abu Azahari, 1987).

Daripada beberapa kaedah pembelajaran, didapati pembelajaran koperatif (PK) sudah mula menjadi suatu kaedah yang semakin popular dalam kalangan pelajar mahupun pensyarah di institusi pengajian tinggi. Kini, pengaplikasian penggunaan kaedah pembelajaran koperatif di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan yang meluas ini merupakan satu kejayaan paling besar yang telah dicapai dalam bidang psikologi sosial (Rozaimi, 2007).

Secara umumnya, pembelajaran koperatif memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ilmu seseorang. Ia dapat melahirkan pelajar yang dapat mengaplikasikan pengetahuan, menjana idea, melatih berkomunikasi dengan baik serta dapat menyelesaikan masalah. Di samping itu, ia mampu menggarapkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Dalam sebuah masyarakat, kita sentiasa terlibat dengan aktiviti bermesyuarat di mana ia terdiri daripada kumpulan-kumpulan kecil yang bertemu untuk berkongsi maklumat, merancang, menyelesaikan masalah, mengkritik dan memuji, membuat keputusan baru atau mencari kelemahan yang lalu. Usaha kerjasama akan wujud selepas saling kenal-mengenal di mana ia akan membawa kepada saling bantu-membantu di antara satu sama lain (Jaques, 1991). Ini bertepatan dengan tujuan pembelajaran koperatif di mana setiap individu adalah berbeza di antara mereka dari



sudut pengalaman, sikap, tingkah laku, bakat dan kebolehannya dalam berkongsi idea dan wujud sikap saling membantu dalam melaksanakan suatu tugas yang telah diberikan.

Menurut Effandi (1998), pembelajaran koperatif adalah suatu strategi pengajaran di mana pelajar-pelajar saling membantu di antara satu sama lain di dalam kumpulan kecil yang mempunyai matlamat bersama. Pembahagian pelajar ke dalam kumpulan kecil memudahkan guru-guru sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan tersebut disokong oleh Azizi, et al. (2004), dalam kajian yang dijelankannya.

Dapatan kajian ini disokong oleh Hamm dan Adams (1994) yang menyatakan bahawa pembelajaran koperatif memudahkan dan mempertingkatkan keberkesanan pengajaran guru. Melalui proses penglibatan pelajar di dalam kumpulan secara aktif, guru juga dapat membuat penemuan-penemuan penting mengenai kaedah pelajar belajar dan apa yang mereka belajar. Oleh kerana pelajar terlibat dalam sebahagian proses pengajaran, keberkesanan guru mengajar dalam kelas dan proses pengajaran akan berganda.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Azizi, et al. (2004), pelajar digalakkan berbincang ketika menyelesaikan masalah yang diberi di dalam kelas. Dalam pembelajaran koperatif, pelajar-pelajar digalakkan berbincang ketika menyelesaikan masalah yang diberi di dalam kelas. Ini disokong dengan pernyataan oleh Johnson dan Johnson (1987) bahawa di antara elemen-elemen pembelajaran koperatif adalah interaksi kumpulan yang perlu wujud termasuklah tindakan pelajar untuk menerang, berbincang dan mengajar apa yang diketahui kepada pelajar yang lain. Pendekatan kerja berpasukan ke arah proses penyelesaian masalah bersama, penggabungan tenaga kerja individu dan usaha berinteraksi dengan semua orang merupakan kemahiran-kemahiran yang sangat diperlukan dalam dunia pekerjaan. Oleh sebab itu, guru-guru sewajarnya menggalakkan pelajarnya berbincang bersama menyelesaikan masalah.

Pembelajaran koperatif menyediakan peluang pada pelajar untuk memaksimumkan pembelajaran mereka. Struktur pembelajaran koperatif yang berkesan dapat memastikan pelajar-pelajar aktif terlibat dalam menstrukturkan pengetahuan mereka dan pada masa yang sama memberi semangat antara satu sama lain dalam mencapai matlamat pembelajaran masing-masing (Lie, 2004).

Dalam pembelajaran koperatif terdapat lima prinsip asas iaitu saling kebergantungan secara positif, interaksi bersemuka, akauntabiliti individu, kemahiran interpersonal dan pemrosesan kumpulan (Johnson dan Johnson, 1994). Prinsip ini bersesuaian dengan elemen-elemen yang ada dalam kemahiran insaniah (KI). Konsep kemahiran insaniah adalah untuk menghasilkan graduan yang mampu bersaing di alam kehidupan yang semakin mencabar. Keperluan *soft skills* kepada graduan adalah amat penting untuk membolosi dunia pekerjaan yang sebenar.

Dalam kajian Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), pelbagai pihak mula mempersoalkan kualiti pendidikan di negara ini memandangkan sejumlah besar siswazah tempatan menjadi penganggur. Ada pihak yang menyalahkan siswazah sendiri dan ada pula pihak yang menyalahkan pihak universiti yang dikatakan tidak menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan kehendak majikan. Perancang pembangunan sumber manusia perlu cekap dalam menangani masalah pengangguran yang semakin serius, khususnya dalam kalangan golongan yang berpendidikan tinggi.

Siswazah yang dilahirkan pada era digital ini perlu bersikap positif, terutama terhadap pekerjaan dan alam pekerjaan yang akan dilalui nanti. Kelulusan akademik sahaja tidak menjamin pekerjaan yang diingini. Seorang graduan memiliki ijazah sahaja tidak mampu menjamin mereka boleh mendapat pekerjaan memandangkan persaingan sengit dunia pasaran pekerjaan hari ini. Justeru, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu mengguna pakai pendekatan yang betul dan sesuai untuk menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan graduan. Antara kemahiran yang harus dikuasai ialah kebolehan berkomunikasi, penguasaan bahasa, keupayaan

berfikir secara kritis, kemampuan menyelesaikan masalah, keserasian bekerja dalam pasukan, memiliki daya keusahawanan, bakat kepimpinan serta nilai moral dan etika tinggi (Mohamed Faiz, 2006).

Selain itu, Dato' Mustapha Mohamed Menteri Pengajian Tinggi, menekankan kemahiran dan nilai ini boleh diterapkan melalui program akademik, kokurikulum dan sokongan bagi memastikan keseimbangan dalam modal insan yang dihasilkan. Ia juga menyatakan kepentingan kepelbagaian dalam teknik pengajaran, kursus kokurikulum yang ditawarkan dalam memastikan keberkesanan modul tersebut. Pelaksanaan pembangunan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar IPT hendaklah berfokuskan gabungan pelbagai program dan aktiviti utama dalam aktiviti formal pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Sejak kebelakangan ini, pembelajaran koperatif telah menjadi di antara salah satu kaedah pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang menimbulkan banyak minat dalam kalangan tenaga pengajar di IPT (Buletin P&P, 2005). Justeru, beberapa alternatif diambil dengan menggunakan kaedah pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran yang dianggap bersesuaian dengan kaedah pembelajaran ini.

Baru-baru ini Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Modul Kemahiran Insaniah (soft skills) yang menggariskan atribut yang perlu dimiliki oleh semua graduan di institut pengajian tinggi di Malaysia. Penerapan kemahiran ini amat diperlukan sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan universiti tempatan dewasa ini. Salah satu faktor adalah elemen-elemen dalam kemahiran insaniah tidak dapat diaplikasikan dan diterapkan secara menyeluruh dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, semua pihak perlu bekerjasama bagi melaksanakan penerapan kemahiran insaniah ini dalam kalangan pelajar bertepatan dengan harapan masyarakat agar IPTA dapat melahirkan graduan yang lebih berdaya saing sesuai dengan keperluan semasa dan pasaran kerja masa kini.

Oleh itu, salah satu cara menerapkan kemahiran insaniah ini adalah melalui pembelajaran koperatif. Ianya dapat membantu menerapkan kemahiran insaniah terutama kepada pelajar supaya mereka dapat mengaplikasikannya kepada dunia sebenar. Dalam pada itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sendiri telah mewajibkan mata pelajaran pengurusan kokurikulum kepada pelajar sarjana muda dan sarjana pendidikan teknik dan vokasional (PTV). Ini merupakan satu kelebihan kepada pelajar berkenaan kerana mata pelajaran pengurusan kokurikulum adalah diwajibkan kepada pelajar sarjana dan sarjana muda di Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dewasa kini, isu yang masih lagi diperkatakan sehingga sekarang adalah masalah pengangguran dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Seringkali graduan dipertikaikan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik kerana kurangnya *soft skills* dalam kalangan mereka. Negara kita memerlukan guna tenaga tempatan yang boleh mendokong hasrat kerajaan untuk meletakkan Malaysia di persada ekonomi dunia. Seiring dengan itu, Malaysia perlu bergerak selaras dengan perkembangan ekonomi dunia. Kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), menyatakan bahawa majikan memerlukan guna tenaga yang berkemahiran dan berkebolehan untuk membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi global.

Sehingga kini, permasalahan graduan yang sukar mencari pekerjaan semakin hangat diperkatakan. Pengangguran dalam kalangan graduan bukanlah suatu isu yang baru. Isu ini timbul apabila graduan yang memohon dikatakan tidak mempunyai pakej yang membolehkan mereka diterima sesuatu bidang pekerjaan. Antaranya adalah graduan tidak mempunyai penampilan diri yang baik, kurang kemahiran kritikal seperti kurang kemahiran berkomunikasi, penguasaan bahasa

inggeris yang lemah, kurang kemahiran bersosial dan kurang bermotivasi (Smartz, 2007).

Dapatan kajian menunjukkan pengangguran bukan disebabkan oleh tahap pencapaian akademik siswazah, tetapi disebabkan kemahiran insaniah (KI) yang kurang diberi penekanan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia (Morshidi, et al. 2004). Menurut Hulya (2005), pembelajaran secara berpasukan juga memberi peluang kepada pelajar supaya dapat menimba pengalaman apabila bekerja di dunia luar.

Manakala kajian di barat Johnson dan Johnson (1994), pula menunjukkan kaedah pembelajaran koperatif bukan saja membantu meningkatkan pencapaian akademik tetapi berkesan untuk memupuk kerjasama, minat pada sekolah, kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain dan kesan lain yang positif. Justeru, elemen-elemen dalam kemahiran insaniah boleh diterapkan melalui pembelajaran koperatif di mana elemen ini hampir sama antara kedua-duanya.

Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin melihat dan mengenal pasti penerapan kemahiran insaniah melalui pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum yang diambil oleh para pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



#### 1.4 Matlamat Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, kajian ini perlu dikaji untuk mengenal pasti penerapan kemahiran insaniah melalui pembelajaran koperatif. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti sejauh mana tahap penerapan kemahiran insaniah dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum. Di akhir kajian pengkaji ingin mengetahui sama ada kemahiran insaniah dapat diterapkan melalui pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum dan mempunyai hubungan ataupun tidak.

#### 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerapan kemahiran insaniah melalui pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum di Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Dengan ini objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap penerapan kemahiran insaniah melalui pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum.
- ii. Mengetahui ciri-ciri pembelajaran koperatif yang dipraktikkan dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum.
- iii. Mengetahui hubungan antara penerapan kemahiran insaniah dengan pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum.

### 1.6 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetahui:


- i. Sejauh manakah tahap penerapan elemen-elemen kemahiran insaniah melalui pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum?
- ii. Apakah ciri- ciri pembelajaran koperatif yang dipraktikkan dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum?
- iii. Bagaimanakah hubungan antara penerapan kemahiran insaniah dengan pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum?

### 1.7 Hipotesis

Ho1 = Tidak terdapat hubungan antara kemahiran insaniah dan pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum.

Ha1 = Terdapat hubungan antara kemahiran insaniah dan pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum.

### 1.8 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep bagi kajian ini adalah berdasarkan pada Rajah 1.1. Dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji dan mengenal pasti penerapan kemahiran insaniah melalui pembelajaran koperatif dalam mata pelajaran pengurusan kokurikulum di



**BIBLIOGRAFI**

- Abdul Razak Ahmad (1999). "Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran Sejarah daripada segi jantina, etnik dan lokasi sekolah". Latihan Ilmiah. Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Samad Banin (2000). "Pembelajaran Koperatif: Satu Pengenalan." <http://www.brunet.bn/news/pelita/10ogos/didik.htm>. Dicapai pada 24 September 2007.
- Abu Zahari Abu Bakar (1987). "Memahami Psikologi Pembelajaran". Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1995). "Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi." Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Hj. Yahya, Ahmad Johari Sihes dan Shahzalina Ghazali (2004). " Amalan Pembelajaran Koperatif di Kalangan Guru-Guru Mata Pelajaran Teknik Dan Vokasional Di Tiga buah Sekolah Teknik di Selangor. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor
- Azizi Hj. Yahya, Dr. Mohd Najib Ghaffar, Noraizah dan Shahrifudin ( 2006). "Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik". Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, , Fakulti Pengurusan Uitm Segamat.
- Azizi Hj. Yahya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Wan Zuraidah Wan Hamid (2006). " Hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar".
- Buletin Pengajaran dan Pembelajaran (2005). "Artikel Pembelajaran Aktif." <http://www.ctl.utm.my/buletin/index.htm>. Dicapai pada 25 September 2007.

Buletin Pengajaran dan Pembelajaran. Edisi Jun (2004). Universiti Teknologi Malaysia.  
Dicapai pada 20 September 2007.

Callen Victor J. (2003). "Understanding Vocational Education and Training Education".  
Clearinghouse On Adults, Career and Vocational Education.  
<http://www.ericacve.org/digests.asp>

Chua Yan Piaw, (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Buku 1. Mc Graw Hill  
Education. (Malaysia).Sdn Bhd.

Dishon, D. & Leary, P.W (1984). "A Guide For Cooperative Learning: A Technique For  
Creating More Effective Schools". Holmes Beach, FL: Learning Publications.

Effendi Zakaria (1998). Pembelajaran Koperatif. Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Tesis PhD. Tidak diterbitkan.

Gaedeke, R.M., & Tootelian, D.H. (1989). Employers rate enthusiasm and  
communication as top job skills. *Marketing News*, 23 (7), 14.

Gan, Teck Hock (1999). "Mencari Titik Perseimbangan Di Antara Keunggulan Teori  
Dan Kenyataan Praktis: Satu Kes Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif Dalam  
Pengajaran Matematik Sekolah Rendah." *Jurnal Penyelidikan Pendidikan MPS*.  
2, 68-85.

Hamm, M. dan Adam, D M. (1994). *New Designs For Teaching And Learning In  
Tomorrow's Schools*. San Francisco, CA. Jossey Bass ms 98.

Hulya Julie Yazici (2005). 'A study of collaborative learning style and team learning  
performance', *Proceedings of the Education and Training*, Vol:47. pp 216-229.

Ishak Mad Shah (2006). *Kepimpinan dan Hubungan Interpersonal dalam Organisasi*.  
Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) Kurikulum Universiti Dan  
Literasi Tempat Kerja  
<http://www.usm.my/ipptn/fileup/Kurikulum%20Universiti%20dan%20Literasi%20Tempat%20Kerja.pdf>. Dicapai pada 10 September 2007

Johnson, D. W., Johnson, R., Ortiz, A. & Stanne, M. (1991). "Impact of Positive  
Goal and Resource Interdependence on Achievement, Interaction and Attitudes."  
*Journal of General Psychology*. 118(4), 341-347.

Johnson, D.W. & Johnson, R.T. (1994). "Learning together and alone: cooperative,  
competitive, and individualistic learning". Boston: Allyn and Bacon.

Johnson, D.W. dan Johnson, R.T. (1987). *Learning Together And Alone*. 2nd ed. New  
Jersey. Englewood Cliffs. Prentice Hall.

Johnson, D. W., Johnson, R. T. & Stanne, M. B. (2000). "Cooperative Learning  
Methods: A Meta-Analysis." Minnesota: University of Minnesota.

Julina Ho dan Rusli Ahmad (2004). "Gaya Pembelajaran Dan Faktor- Faktor Yang  
Mempengaruhinya: Satu Kajian Kes. Pejabat Bhagian Miri, Fakulti Sains  
Kognitif Dan Pembangunan Manusia.

Kagan, S. (1994). "Cooperative Learning." CA : San Juan Capistrano.

Kearns, P (2001). *Generic Skills For The New Economy – review of research*, NCVER,  
Adelaide.

Kerlinger, F.N. (1986). *Foundations of behavioural research*. Forth Worth: Holt,  
Rinehartand Winston.

Khaaruddin Khalil (2003). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*. Edisi kedua, Dawama Sdn. Bhd.

Khairur Rijal Jamaludin dan Norazmein Abdul Raman (2005). 'Learning Fluid Mechanics Through Cooperative Learning', *Proceedings of the 2005 Regional Conference on Engineering Education*. 12-13 Dec. pp. 25-28.

Khalid Mohamed Nor (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai M Sdn. Bhd.

Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size for Research. Educational and Psychological Measurement." New York: Freeman. 30, 607-610.

Kretovics, M., and McCambridge, J. (1998). "Determining What Employers Really Want Conducting Regional Stakeholder Focus Groups." *Journal of Career Planning and Employment*, (Winter), 25-30.

Ledia Anak Angul (2005). "Penguasaan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di KUiTTHO". KUiTTHO. Tesis Ijazah Sarjana PTV.

Lie, A. (2004). *Cooperative learning: changing paradigms of college teaching*. Petra Christian University, Siwalankerto 121-131, Surabaya, Indonesia. Website.

Mohamed Faiz Mohamed Hadli (2006). Artikel UPM Tuan Rumah Lancar Modul Soft Skills. *Tribun Putra Ogos/ September Universiti Putra Malaysia*.

Mohd Fadzilah Kamsah dan Ahmad Fadzli Yusof (2005). *55 Petua Kerja Berpasukan*. PTS Millennia Sdn Bhd.

- Mohd Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 71, 96-109, 191-205.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 69-74, 88-89.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (2003). "Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 19-24.
- Morshidi, et al. (2004). "Kajian Pencapaian Akademik dan Kebolegunaan Tenaga Siswazah di Institusi Pengajian Tinggi". Universiti Sains Malaysia.
- N. Van Zwanenberg, L. J. Wilkinson & A. Anderson (2000). "Felder and Silverman's Index of Learning Styles Questionnaire: How Do They Compare and Do They Predict Academic Performance?". University of Northumbria and University of Newcastle, United Kingdom.
- Noor Azradiana Binti Zahari (2007). Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Pembelajaran Berasaskan Masalah Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Tesis Ijazah Sarjana PTV.
- Nor Azizah Salleh (1992). Cooperative learning in Malaysia. Paper presented at Regional Seminar of Education. Penang.
- Nor Norziha Megat Mohd. Zainuddin, Norihan Abu Hassan, dan Syed Ardi Syed Yahya Kamal (2006). Kolej Sains Dan Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ozgen Osman Demirbas (2001). "The Relation of Learning Styles and Performance scores of The Students in Interior Architecture Education". The Institute Of Economics and Social Sciences Of Bilkent University.

Palmer S.R. (2003), "Framework for Undergraduate Engineering Management Studies",  
Journal of Professional Issues in Engineering Education and Practice @ASCE,  
April, pp 92-99.

Paulson Donald. R. and Faust Jennifer L., 'Active Learning For The College Classroom.'  
Available at:<http://www.calstatela.edu/dept/chem/chem2/Active/>  
Dicapai pada 20 September 2007

Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2002). Psikologi Pendidikan Pendekatan  
Kontemporari. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Rohana Yusof (2004). Penyelidikan Sains Sosial, PTS Publications & Distributors Sdn.  
Bhd.

Rohizani Yaakub dan Shahabuddin Hashim (2004). "Psikologi Pembelajaran &  
Personaliti". Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rosniah Mustaffa (2007). "Mengadaptasikan Gaya Pembelajaran Pelajar ESL: Satu  
Kajian Kes Pelajar Tahun Satu di UKM". Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rozaimi Rasi (2007). "Amalan Pembelajaran Koperatif Di Kalangan Pelajar Ijazah  
Sarjana Muda Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Uthm).

Rubin dan Babbie (1993). *Research Method For Social Work*. California: Cole  
Publishing.

Saifullizam Puteh (2006). Modul Pengajaran Pengurusan Kokurikulum. Fakulti  
Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Salkind, N.J. (2003). "Exploring Research." 5th. ed. New Jersey : Courier Companies,  
Inc.

- Sharan, S. (1980). *Cooperative Learning In Small Group: Recent Methods And Effects On Achievement, Attitudes And Ethic Relations*. *Review Of Education Research* 50(2): 241-271.
- Slavin, R. E. (1997). "Educational Psychology : Theory and Practice." Fifth Edition. MA: Viacom Company.
- Smartz March (2007). <http://smartz.wordpress.com/jaringan>. Dicapai pada 30 September 2007.
- Subahan, M. M. T. (1987). "Pembelajaran Pelajar-pelajar: Satu Pengenalan". Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhaida Abdul Kadir (2002). "Perbandingan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Prestasi, Atribusi Pencapaian, Konsep Kendiri Akademik dan Hubungan Sosial dalam Pendidikan Perakaunan." Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.
- Syed Arabi Idid (1993). "Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tuckman, E.R. (1998). *Survey Research Methods*. Belmont, C.A: Wadsworth. Universiti Teknologi Malaysia. 69-74, 88-89.
- Yahya Buntat (2005). *Integrasi Kemahiran Employability Dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian Dan Industri Di Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wahid Razzaly, Ishak Baba, Abdullah Sulaiman, Berhanuddin Mohd Salleh, Ahmad Shakri Mat Seman, Asri Selamat, Mohd Zaki Mohd Salikon, Ahmad Esa dan Noraini Kaprawi (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (soft skills)*. Penerbit: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.